



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 23 Mei 2026

Untuk Terbitan Media
23 Mei 2026

SIARAN MEDIA BERSAMA

4,267 PENUNGGANG MOTOSIKAL MAUT KEMALANGAN JALAN RAYA SEPANJANG 2025, PERKESO-PDRM LANCAR KEMPEN MYRIDER

SEPANG: Penunggang motosikal kekal menjadi pengguna jalan raya paling berisiko apabila kadar kematian membabitkan golongan berkenaan menjangkau 65 peratus daripada keseluruhan 6,581 kes kematian sepanjang 2025.

Perangkaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu memberi gambaran serius mengenai keperluan tindakan pencegahan yang lebih menyeluruh, demi memastikan kadar kematian melibatkan penunggang motosikal berupaya ditangani secara tuntas.

Sehubungan itu, PERKESO menerusi kerjasama dengan Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) PDRM melancarkan Kempen Penunggang Malaysia (MYRider) sebagai memperkukuh usaha pencegahan kemalangan jalan raya terutama melibatkan penunggang motosikal.

Pengarah JSPT Bukit Aman, Komisioner Polis Dato' Sri Muhammed Hasbullah Ali, berkata PDRM melalui JSPT sentiasa komited bekerjasama bersama PERKESO dalam mengurangkan kemalangan jalan raya, terutamanya melibatkan penunggang motosikal.

"Kempen MYRider ini bertepatan hasrat JSPT dalam memperkukuh kesedaran, pematuhan peraturan jalan raya dan pembentukan budaya tunggangan selamat dalam kalangan pengguna motosikal," menurutnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri. Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, memaklumkan bahawa pihaknya merekodkan 91,456 kes kemalangan bagi tempoh sama.

Daripada jumlah tersebut, katanya, sebanyak 46,542 kes atau 50.9 peratus dikesan melibatkan kemalangan perjalanan.

"Lebih membimbangkan, kadar kemalangan perjalanan meningkat 21 peratus berbanding 38,454 kes yang direkodkan pada 2023. Jika dikira, sekitar 11 kes kemalangan perjalanan berlaku setiap hari.

"Justeru, menerusi Kempen *MYRider*, empat strategi utama dijadikan sandaran iaitu **Sedar dan Cakna; Amal dan Bertindak; Bangga Jadi MYRider**, serta **Sama-sama Lindungi**.

"Semua strategi ini dirangka khusus untuk memastikan setiap penunggang bukan sekadar mematuhi peraturan, malah menerapkan aspek keselamatan menjadi sebahagian gaya hidup mereka," katanya.

Kempen ini dirasmikan hari ini, di Litar Antarabangsa PETRONAS Sepang, bersempena Kejohanan Petronas MAM Malaysian Cub Prix 2026 Pusingan Kedua.

Pemilihan platform ini dilihat amat signifikan dalam menghimpunkan komuniti peminat motosikal dari seluruh negara, sekali gus menjadi medium terbaik untuk menyampaikan mesej keselamatan secara lebih dekat, santai dan berkesan.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

23 Mei 2026